

BAB LIMA

KEMANTAPAN PENTADBIRAN

KEWANGAN KOLONIAL

1933 - 1941

5.0 Pendahuluan

Ekonomi Johor pulih dan kembali berkembang sejajar dengan pemulihan ekonomi dunia di penghujung tahun 1920an. Pada akhir 1933, struktur pasaran telah menunjukkan perkembangan yang positif. Transformasi ini telah menimbulkan pelbagai persoalan terutamanya mengapa dan di tahap manakah pemulihan ekonomi telah berjaya dilakukan. Perkembangan ekonomi di tahap ini yang jelasnya telah membantu meningkatkan jumlah nilai dan kuantiti perdagangan di Johor.

Harga komoditi pertanian dan galian seperti getah, kelapa, nenas, kelapa sawit dan bijih besu telah menunjukkan peningkatan. Faktor ini dapat dilihat dengan jelas dari aspek perkembangan nilai dan kuantiti eksport. Hal yang sama juga, dapat dilihat dari sektor import yang menunjukkan peningkatan import barang siap yang melebihi import makanan dan minuman.

Pemulihan ekonomi juga telah menarik minat para pemodal dari pelbagai sektor untuk bergiat cergas semula dalam sektor ekonomi terutama sekali dalam sektor komoditi. Peningkatan harga getah telah mengakibatkan tanaman ini kembali diusahakan. Sebaliknya, tanaman makanan seperti padi dan ubi kayu semakin menurun berikutan peningkatan harga komoditi tersebut.

Semasa kemelesetan ekonomi, ramai buruh telah dihantar pulang ke negara masing-masing. Polisi ini bagaimanapun telah menimbulkan masalah kekurangan tenaga buruh selepas ekonomi kembali pulih. Bagi mengatasi masalah tersebut, buruh-buruh asing telah dibawa masuk oleh Pentadbiran Kolonial. Golongan buruh yang paling ramai dibawa masuk adalah kaum Cina dan Jawa. Ini disebabkan golongan tersebut lebih mudah dibawa masuk berbanding dengan buruh India yang memerlukan bantuan kewangan.

Dalam tempoh masa ini, perkembangan pengeluaran komoditi seperti getah, nenas dan kelapa sawit telah meningkatkan jumlah pendapatan negeri terutamanya kastam. Polisi pengutipan pendapatan daripada cukai tanah dan lain-lain cukai perbandaran terutamanya pendapatan daripada bekalan air dan elektrik yang

dilaksanakan sebelum ini tetap diteruskan. Bagi sektor perbelanjaan, peruntukan kewangan bagi kos seperti gaji kakitangan dan kos pentadbiran terus menunjukkan peningkatan. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial telah melaksanakan projek yang berskala besar seperti pembinaan infrastruktur dan pejabat pentadbiran dengan menggunakan pendapatan yang dikumpulkan itu.

Bagaimanapun, polisi Pentadbiran Kolonial yang dilaksanakan dalam pengurusan kewangan tidak berubah. Jumlah nilai pengagihan bagi portfolio pelaburan kewangan telah meningkat daripada \$28,774,680 pada tahun 1933 kepada \$38,095,211 pada tahun 1940. Namun begitu, peningkatan pengagihan portfolio pelaburan kewangan dalam jangka masa ini tidak menunjukkan perubahan yang drastik seperti dahulu. Tindakan ini menyebabkan imbalan kewangan menghadapi defisit yang berterusan. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut dapat diselesaikan dengan menggunakan simpanan tunai seperti sebelumnya. Perkara yang penting bagi pentadbir British ialah jumlah nilai portfolio pelaburan kewangan tidak terjejas malahan semakin meningkat.

5.1 Pasaran

Pemulihan harga pasaran telah menyebabkan komoditi

eksport utama telah memperlihatkan perkembangan dan peningkatan yang menbanggakan. Pada tahun 1933, jumlah nilai eksport adalah sebanyak \$35,985,800¹ dan jumlah ini telah meningkat kepada \$80,157,707 pada 1939.² Selain daripada itu, jumlah import juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Perkembangan tersebut dapat dilihat pada tahun 1933, dengan nilai import sebanyak \$22,561,488³ dan jumlah berkenaan telah meningkat sehingga \$47,149,771 pada tahun 1939.⁴ Bagaimanapun, struktur dagangan ini sekali lagi mengalami kejatuhan nilai pada tahun 1938 ekoran daripada kemerosotan pasaran dunia. Perkembangan di atas membolehkan ekonomi negeri Johor mendapat lebihan pembayaran yang tinggi seperti yang dapat dilihat pada Jadual 5.1.

5.1.1 Eksport

Lampiran Jadual 1.3 dan Gambarajah 1.2 menunjukkan peningkatan komoditi eksport di negeri Johor. Berbanding dengan sebelumnya, komoditi getah pada masa ini telah kembali semula memainkan peranan penting sebagai eksport utama. Jumlah nilai eksportnya meningkat daripada \$22,622,970⁵ iaitu 62.87% pada tahun 1933 kepada \$60,064,406 iaitu 74.93% pada tahun 1939.⁶

**Jadual 5.1. Jumlah Nilai Eksport dan Import, 1933-1939,
(Straits Dollar)**

Tahun	(A) Jumlah Nilai Eksport	(B)Jumlah Nilai Import	(A) - (B)
1933	35,958,800	22,561,488	13,397,312
1934	61,073,929	31,213,739	29,860,190
1935	49,630,713	34,458,315	15,172,398
1936	76,896,940	38,908,158	37,988,782
1937	102,899,863	47,378,555	55,521,308
1938	62,843,121	43,380,200	19,462,921
1939	80,157,707	47,149,771	33,007,936

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939

Peningkatan ini dipengaruhi oleh dua faktor. Pertama, penanaman getah baka baru seperti *Budgrafted* semasa kemelesetan ekonomi telah memberi sumbangan yang besar kepada eksport getah.

Kedua, perlaksanaan *International Rubber Regulation Scheme* oleh negara-negara pengeluar getah yang utama pada tahun 1934 telah membantu mengawal harga dan kuantiti komoditi tersebut.⁷ Berbeza dengan *Stevenson Rubber Restriction Scheme*, perlaksanaaan *International Rubber Regulation Scheme* adalah lebih tersusun dan teratur memandangkan jawatankuasa skim ini mendapat kerjasama daripada *Netherland Indies* dan negara-negara pengeluar lain yang sebelum ini tidak menyertai *Stevenson Rubber Restriction Scheme*.⁸ Pengawalan eksport ini telah menyebabkan stok getah meningkat. Perkara ini telah menyebabkan ramai pemodal dagangan menyeludup getah untuk dieksport ke Singapura. Keadaan ini telah mempergiatkan kegiatan penyeludupan ke Singapura.

Selain daripada komoditi getah, nenas dan kelapa sawit juga telah menunjukkan peningkatan yang berterusan. Jumlah nilai eksport nenas telah meningkat daripada \$664,468 pada tahun 1933⁹ kepada \$1,375,926 pada tahun 1939.¹⁰ Sementara itu, kelapa sawit turut sama

menunjukan peningkatan daripada \$879,584 pada tahun 1933¹¹ kepada \$1,532,342 pada tahun 1939.¹² Beberapa komoditi tradisional seperti , ubikayu dan sago telah menunjukan keadaan yang sebaliknya terhadap corak eksport. Bagi kelapa, jumlah nilai eksport telah merosot daripada \$3,193,515 pada tahun 1933¹³ kepada \$2,308,199 pada tahun 1939.¹⁴

Ubi kayu dan sago yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil Asia juga memperlihatkan kemerosotan. Keadaan ini wujud kesan daripada kenaikan harga komoditi yang telah menarik minat para pekebun kecil untuk mengubah jenis tanaman mereka. Sementara itu bagi pinang jumlah eksportnya telah meningkat daripada \$542,169 pada tahun 1933 kepada \$1,810,108 pada tahun 1939. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perubahan harga pasaran diperingkat antarabangsa.

Bagi sektor perhutanan pula, kayu balak dan rotan telah menunjukan peningkatan eksport disebabkan bertambahnya permintaan di peringkat antarabangsa khususnya dari Singapura. Pada tahun 1933, jumlah nilai eksport balak adalah sebanyak \$406,373¹⁵ dan telah meningkat pada tahun 1939 kepada \$963,689.¹⁶ Bagi rotan pula, jumlah nilai eksportnya juga turut meningkat iaitu daripada \$338,568 pada tahun 1933¹⁷ kepada \$505,820 pada tahun 1939.¹⁸

Jumlah nilai eksport bagi sektor galian iaitu bijih timah dan bijih besi turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Jumlah nilai eksport bijih timah telah meningkat dari \$364,173¹⁹ pada tahun 1933 kepada \$1,719,662 pada tahun 1939.²⁰ Hal yang sama juga berlaku pada bijih besi yang telah meningkat daripada \$2,043,220 pada tahun 1933²¹ kepada \$3,084,182 pada tahun 1939.²² Peningkatan ini ekoran daripada bertambahnya permintaan dari negara Jepun.²³

5.1.2 Import

Dalam jangka masa ini juga, jumlah nilai import turut menunjukkan perkembangan yang jelas. Perkembangan ini dapat dilihat pada tahun 1933 dengan jumlah nilai eksport sebanyak \$22,561,488²⁴ dan telah meningkat kepada \$47,149,771 pada tahun 1939.²⁵ Peratusan komposisi nilai eksport bagi 1933-1939 adalah seperti berikut: (A) Haiwan, Makanan, Minuman, Rokok dan Chandu, sebanyak 43.9% (B) Bahan Mentah, 4.7% (C) Bahan Perkilangan 50.8% (D) Lain-lain 0.6%. Lampiran Jadual 1.4 dan Gambarajah 1.3. menunjukan jumlah nilai import barang pembuatan adalah melebihi jumlah nilai import untuk makanan, minuman, alkohol dan candu. Ini merupakan fenomena yang baru bagi sejarah negeri Johor. Peningkatan ini terjadi akibat dari

berkembanya projek berskala besar dan peningkatan kuasa pembelian item-item oleh pemodal-pemodal untuk pembuatan barang siap. Selain daripada peningkatan dalam perlaksanaan projek-projek Pentadbiran Kolonial dalam kerja-kerja raya, pemodal pula mengimport pelbagai jenis barang kilang dan kereta.

5.2 Pemodal

Peningkatan harga komoditi seperti getah telah membawa kepada peningkatan pemilik tanah di Johor. Pada tahun 1933, 72 % daripada jumlah kluasan tanah pertanian telah ditanam dengan getah. Sementara kluasan tanah yang digunakan untuk tanaman kelapa adalah sebanyak 13.9%, nenas 4.1% pinang 3.0% dan kelapa sawit 2.89% seperti yang dapat dilihat di Jadual 5.2.

5.2.1 Getah

Perlaksanaan *International Rubber Regulation Scheme* pada 1hb Jun 1934 telah membawa peningkatan kepada harga pasaran getah. Dalam keadaan sebegini, pemodal telah memberikan tumpuan kepada penorehan getah. Dalam jangka masa ini, jumlah purata kluasan tanah yang ditanam dengan getah telah meningkat daripada 854,689 ekar pada 1933²⁶ kepada 954,478 ekar pada 1940.²⁷

Jadual 5.2. Jumlah Keluasan Kawasan Tanaman Bahan Pertanian di Johor, 1937 dan 1938, (Ekar)

	1937 (I)	Peratusan	1938 (II)	Peratusan	(II)-(I)
Nenas	56,289	4.58%	50,597	4.10%	-5,692
Ubi Kayu	3,458	0.28%	2,521	0.20%	-937
Kopi	5,528	0.45%	9,041	0.73%	3,513
Nipah	3,114	0.25%	3,114	0.25%	0
Pinang	38,402	3.13%	37,079	3.00%	-1,323
Gambir	1,477	0.12%	1,497	0.12%	20
Pisang	6,441	0.52%	6,712	0.54%	271
Derris	4,314	0.35%	4,289	0.35%	-25
Ginger	388	0.03%	344	0.03%	-44
Sagu	1,492	0.12%	1,542	0.12%	50
Kapok	185	0.02%	202	0.02%	17
Chillies	412	0.03%	477	0.04%	65
Teh	50	0.00%	50	0.00%	0
Lada	123	0.01%	141	0.01%	18
Tembakau	1,275	0.10%	344	0.03%	-931
Buah-buahan	9,561	0.78%	10,564	0.86%	1,003
Groundnuts	672	0.05%	660	0.05%	-12
Ubi Keledek	3,005	0.24%	3,093	0.25%	88
Sireh	247	0.02%	264	0.02%	17
Kelapa	171,366	13.95%	171,733	13.90%	367
Nutmegs	6	0.00%	1	0.00%	-5
Clover	5	0.00%	5	0.00%	0
Market Gardens	2,402	0.20%	2,368	0.19%	-34
Kelapa Sawit	33,889	2.76%	35,368	2.86%	1,479
Getah	883,904	71.98%	891,151	72.15%	7,247
Jumlah	1,229,942	100.00%	1,235,095	100.0000%	5,153

Sumber: Disusun daripada ARADJ 1937 Appendix C, ARADJ 1938, Appendix C.

(Sila lihat Lampiran Jadual 2.1). Daripada keluasan tanah tersebut, pemilikan tanah oleh pemodal Eropah dan Asia termasuk pekebun-pekebun kecil adalah sebanyak 29.28% dan 70.72% pada tahun 1933. Peratusan ini telah berubah iaitu 37.15% dan 62.85% pada tahun 1940. Bagi keluasan tanah melebihi 100 ekar, terdapat peningkatan sebanyak 90,672 ekar iaitu daripada jumlah 469,040 ekar pada tahun 1933²⁸ kepada 559,712 ekar pada tahun 1940.²⁹ Sebaliknya, bagi tanah yang mempunyai keluasan kurang daripada 100 ekar telah menunjukkan penurunan sebanyak 1,959 ekar iaitu daripada 322,225 ekar pada tahun 1935 kepada 394,776 ekar pada tahun 1940.³⁰ seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.3. Secara keseluruhannya, peratusan pemilikan tanah melebihi daripada 100 ekar telah meningkat daripada 54.16% pada tahun 1933 kepada 58.64% pada tahun 1940. Dalam jangka masa ini, pemilikan tanah melebihi 100 ekar dikuasai oleh pemodal-pemodal tertentu sahaja. Pemodal Eropah memiliki tanah seluas 253,506 ekar pada tahun 1933³¹ dan jumlah ini telah meningkat kepada 354,574 ekar pada tahun 1940.³² Ini bermakna dalam tempoh tujuh tahun sahaja pemilikan tanah oleh pemodal Eropah telah meningkat sebanyak 101,068 ekar tanah ataupun sebanyak (39.86%). Jadual 5.4. menunjukan

**Jadual 5.3. Keluasan Tanah Estet dan Pekebun Kecil Getah,
1933-1940, (Ekar)**

Tahun	Estet (lebih daripada 100 ekar)	+/-	Pekebun Kecil (Kurang daripada 100 ekar)	+/-
1933	469,040		t.d.	t.d.
1934	507,768	38,728	t.d.	t.d.
1935	517,125	+9,357	322,225	t.d.
1936	516,176	-949	359,007	+36,782
1937	523,145	+6,969	360,759	+1,752
1938	525,155	+2,010	365,996	+5,237
1939	556,596	+31,441	384,553	+18,537
1940	559,712	+3,116	394,766	+10,233
1933-1940		90,672		

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1934 - 1940

**Jadual 5.4. Keluasan Getah (Ditanam) Mengikut Bangsa,
1933 - 1940, (Lebih daripada 100 ekar)**

Tahun	Eropah	+/-	Cina	+/-	India	+/-	Lain-lain	+/-
1933	253,506		145,477		14,390		55,667	
1934	302,189	48,683	117,654	-27,823	25,329	10,939	62,596	6,929
1935	310,412	8,223	118,300	646	20,537	-4,792	67,876	5,280
1936	312,328	1,916	116,546	-1,754	18,808	-1,729	68,494	618
1937	337,867	25,539	98,058	-18,488	18,273	-535	68,947	453
1938	339,734	1,867	96,354	-1,704	18,293	20	70,774	1,827
1939	353,958	14,224	108,451	12,097	19,631	1,338	74,556	3,782
1940	354,574	616	108,239	-212	20,258	627	76,641	2,085
Jumlah		101,068		-37,238		5,868		20,974

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1934 - 1940

peningkatan pemilikan tanah oleh pemodal India dan pemodal-pemodal lain. Bagi pemodal Cina, jumlah pemilikan tanah merosot sebanyak 37,238 ekar daripada 145,477 ekar pada tahun 1933³³ kepada 108,239 ekar pada tahun 1940.³⁴ Pentadbiran Kolonial tidak memberikan sebarang keterangan yang jelas mengenai berkuranganya keluasan tanah bagi pemodal Cina pada tahun 1934. Pada tahun 1934, *Small Holders' Advisory Service* telah ditubuhkan di bawah *Agricultural Department*. Dua pegawai British telah dilantik di kawasan Utara dan Selatan dan bilangan pegawai ini telah meningkat pada tahun 1936 yang juga melibatkan seorang pegawai Cina dan dua orang pegawai Melayu. Pegawai-pegawai yang dilantik ini memainkan peranan sebagai penasihat dan penyiber maklumat maklumat mengenai pengurusan pengeluaran getah yang lebih bermutu dan sistem penorehan yang lebih berkesan kepada penoreh-penoreh getah.³⁵ Pada akhir tahun 1935, sebanyak 10 orang pekebun kecil Melayu yang menghasilkan getah asap telah diberi latihan oleh *Rubber Research Institute*.³⁶ Jumlah pekebun kecil Melayu yang dilantik telah meningkat kepada 69 orang pada tahun 1936³⁷ dan pada tahun 1937 jumlah ini meningkat kepada 82 orang.³⁸ Pentadbiran Kolonial juga menggalakkan pekebun kecil supaya mengeluarkan getah asap sendiri.

Pemilik tanah berbangsa Eropah telah mempertingkatkan keluasan tanah mereka ekoran daripada penanaman getah baka baru iaitu *Budgrafted*³⁹ yang dapat mengeluarkan hasil dua kali ganda lebih banyak daripada sebelumnya.

Perkembangan ekonomi juga telah meningkatkan bilangan pemilik estet yang menjadi ahli *Johor Planter's Association*. Jumlah ahli persatuan telah meningkat daripada 65 orang kepada 197 orang dengan jumlah purata keluasan penanaman getah yang meningkat daripada 268,073 ekar pada tahun 1933 kepada 553,861 ekar pada tahun 1939.⁴⁰

Pada tahun 1939, hampir kesemua pemilik estet yang melebihi 100 ekar telah menjadi ahli *Johore Planter's Association*.

Dalam sektor perkilangan, "*creaming process for concentrating latex*" telah dieksport. Selain daripada itu, dua *Revertex plants* dan sebuah kilang utama yang menggunakan *centrifugal concentrators* juga telah meneruskan aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, pengeksport latex yang *unconcentrated preserved* juga masih dijalankan.⁴¹

5.2.2 Kelapa dan Pinang

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tanaman kelapa

pula menghadapi kemerosotan . Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.5., purata keluasan tanah untuk tanaman kelapa telah meningkat daripada 168,000 ekar pada 1933⁴² kepada 172,747 ekar pada 1940.⁴³ Penurunan secara drastik ini dapat dilihat dalam tempoh masa setahun sahaja (1933-1934) iaitu sebanyak 28,633 ekar. Ini disebabkan pemodal-pemodal yang terlibat dalam penanaman kelapa menukar tanaman mereka daripada kelapa kepada getah. (Sila lihat Lampiran Jadual 2.2.)

Komposisi bangsa pemilik tanaman kelapa tidak berubah. Majoriti keluasan penanaman kelapa adalah kecil sekitar 3,300 ekar sahaja⁴⁴ dan dimiliki oleh orang Jawa, Bugis dan Melayu. Perlu dijelaskan disini bahawa bukan semua penanam kelapa menjadi pengeluar kopra. Kebanyakan penanam kelapa lebih suka menjual kelapa mereka secara terus kepada pemodal Cina. Di samping itu tidak kurang pula yang menyewakan tanah mereka kepada pemodal Cina yang merupakan pengeluar kopra yang terbesar di Johor.⁴⁵ Pada kebiasaannya, tanaman kelapa akan ditanam bersama-sama dengan tanaman yang lain seperti pinang, buah-buahan dan tanaman makanan.

Bagi membangunkan industri kopra yang dimiliki oleh pekebun-pekubun kecil, satu skim yang memperkenalkan baka jenis baru, iaitu *kiln* telah dilaksanakan.⁴⁶ Selain daripada itu, Jabatan Pertanian

**Jadual 5.5. Keluasan Tanah Yang Ditanam Dengan Kelapa,
1932 - 1940, (Ekar)**

Tahun	Estet	Pekubun Kecil	+/-
1932	166,800		
1933	166,800		0
1934	3,300	166,067	2,567
1935	3,300	166,785	718
1936	3,300	166,785	0
1937	3,300	166,785	0
1938	3,300	167,152	367
1939	3,300	168,452	1,300
1940	3,300	169,447	995

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933, hal: 15 dan ARMAS
1934 - 1940.

turut membantu usaha ini dengan mengadakan siri ceramah dan demonstrasi serta bantuan menyediakan pusat pengeringan kopra dengan harga yang lebih murah. Sehingga 1939, sebanyak 106 buah kilang memproses kopra jenis *kiln* telah dibina oleh pemodal-pemodal Cina dan Melayu.⁴⁷

5.2.3 Kelapa Sawit dan Nenas

Jadual 5.6. menunjukkan jumlah keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit Johor 1933-1940. Daripada Jadual tersebut didapati keluasan tanaman kelapa sawit telah meningkat daripada 30,028 ekar pada 1933⁴⁸ kepada 37,075 ekar pada 1940.⁴⁹ Lebih daripada 90% daripada keluasan tanah ini diusahakan oleh pemilik ladang kelapa sawit berskala besar yang memiliki ladang bersaiz melebihi 2,000 ekar.⁵⁰ Kebanyakan tanaman kelapa sawit bertumpu di kawasan pendalaman khususnya di daerah Kluang. Oleh kerana pihak Pentadbiran Kolonial ingin menggalakkan pertambahan keluasan tanaman kelapa sawit, sehingga kini pihak pentadbiran tidak mengenakan duti eksport terhadap komoditi ini.

Pada tahun 1934, terdapat lapan buah kilang memproses dan mengetin nenas di Johor, namun hanya tiga buah kilang sahaja yang beroperasi sepenuhnya.⁵¹ Satu Enakmen berkaitan dengan pembangunan

**Jadual 5.6. Keluasan Tanah Kelapa Sawit Mengikut Saiz,
1933-1940, (Ekar)**

Tahun	> 2,000	+/-	1,000- 2,000	+/-	500 - 1,000	+/-	< 500	+/-	Jumlah Keluasan Tanah
1933	29,328				700				30,028
1934	29,849				840				30,689
1935	29,889	40			760				30,649
1936	29,994	105	1,387						31,381
1937	31,068	1,074	1,537	150			300		32,905
1938	31,174	106	2,607	1,070	765		400	100	34,946
1939	32,146	972	3,995	1,388			450	50	36,591
1940	32,480	334	3,995	0			600	150	37,075

Sumber: Disusun daripada **ARMAS 1933 - 1940**

industri nenas telah dikuatkuasakan pada 1hb Oktober 1934.⁵²

Penguatkuasaan *Pineapple Industry Enactment* ini telah membawa kepada peningkatan dalam industri mengetin nenas di Johor. Bagi pemilik kilang yang mempunyai kawasan penanaman nenasnya sendiri, kualiti dan bekalan nenas sentiasa berada dalam keadaan stabil. Kelemahan pasaran pada tahun 1937 dan tahun 1938 telah menyebabkan aktiviti pengilangan dan pembukaan kawasan penanaman nenas baru terhenti buat sketika.⁵³ Selain daripada itu terdapat pemilih ladang yang menukarkan jenis tanaman ladangnya daripada nenas kepada getah. Umpamanya, pada akhir 1938, dua orang pemilik ladang nenas yang juga merupakan pengilang nenas di Daerah Kukup, telah menukarkan kawasan penanaman nenas mereka dengan purata keluasan tanah 5,800 ekar kepada tanaman getah.

5.2.4 Logam

Selepas kemelesetan ekonomi dunia, permintaan terhadap logam dari negeri ini telah dan terus meningkat, khususnya daripada negara Jepun. Untuk memenuhi permintaan pasaran Jepun, sebuah syarikat yang dikenali sebagai *Ishihara Sangyo Koshi* telah menjalankan operasi melombong bijih besi di Kota Tinggi. Sebelum ini syarikat tersebut telah pun beroperasi melombong bijih besi di Sri Medan, Batu

Pahat. Syarikat ini selain daripada bijih besi, ianya juga turut melombong boksit di Batu Pahat.

Pada tahun 1936, seorang pemodal Jepun yang dikenali sebagai Shigeru Iizuka telah melibatkan diri dalam usaha perlombongan bijih besi di Bukit Langkap, Endau. Seperti syarikat Ishihara, bijih besi yang dihasilkan oleh syarikat ini juga dihantar terus ke Jepun melalui jalan laut.

5.2.5 Padi

Kenaikan harga getah telah mempengaruhi penanaman padi di Johor. Mereka telah meninggalkan sawah masing-masing dan mengalihkan pekerjaan kepada penoreh getah. Tindakan mereka ini mengakibatkan jumlah keluasan tanaman padi berkurangan sebanyak 18,800 ekar, iaitu daripada 25,060 ekar pada tahun 1933 kepada 6,250 ekar pada tahun 1938. Kemerosotan keluasan tanah untuk tanaman padi ini tidak begitu disenangi oleh pihak Pentadbiran Kolonial. Pentadbiran Kolonial ingin mengekalkan sejumlah penanam padi agar dapat membekalkan bekalan beras bagi memenuhi permintaan tempatan. Hajat ini sukar dicapai kerana Pentadbiran Kolonial tidak menyediakan sebarang kemudahan sistem pengairan dan saliran bagi membantu

penanaman-penanam padi.

Pada bulan November 1938, *General Adviser* yang dilantik oleh NNMB telah menyerahkan laporan mengenai penyediaan sistem pengairan untuk meningkatkan hasil keluaran tanaman padi di Johor. Susulan tindakan yang berdasarkan laporan tersebut telah meningkatkan keluasasan tanaiman padi daripada 6,260 ekar pada tahun 1938⁵⁴ kepada 14,690 ekar pada tahun 1940,⁵⁵ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.7.. Bagaimanapun, tindakan ini tidak dapat memenuhi keperluan beras tempatan, kerana pada masa ini bilangan penduduk negeri Johor terus meningkat.

Seperti padi, pengeluaran ubi kayu juga turut mengalami kemerosotan. Pada tahun 1934, jumlah keluasan tanah yang ditanam dengan ubi kayu hanya seluas 6,113 ekar⁵⁶ berbanding dengan 1933 iaitu seluas 12,055 ekar. Dalam jangka masa ini, 13 buah kilang memproses ubi kayu telah dibina dimana lapan buah daripadanya terletak di dalam Daerah Kluang.⁵⁷ Sebilangan besar daripada kilang tersebut sukar untuk mendapatkan bekalan mesin pengeluaran. Daerah Muar, Kluang dan Endau merupakan daerah pengeluaran yang utama. Sementara itu, kepentingan Daerah Segamat dan Johor Bahru sebagai pengeluar ubi

Jadual 5.7. Jumlah Keluasan Tanah, Padi 1933 - 1940, (Ekar)

Tahun	Keluasan Tanah (Ekar)	+/-
1933	25,060	
1934	23,820	-1,240
1935	11,670	-12,125
1936	10,560	-1,110
1937	8,910	-1,650
1938	6,260	-2,650
1939	8,640	+2,388
1940	14,690	+6,050

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1933-1940

kayu semakin berkurangan.⁵⁸

Sementara itu, sebagai tanaman baru, kopi telah diberi perhatian oleh pihak Pentadbiran Kolonial. Peningkatan keluasan tanah untuk tanaman kopi dapat dilihat dengan jelas di Daerah Batu Pahat, Kluang dan Segamat.⁵⁹ Pekebun kecil biasanya menanam tanaman ini bersama dengan tanaman makanan yang lain. Selain daripada tanaman di atas, tembakau masih juga ditanam di Johor. Daerah Kluang dan Batu Pahat merupakan pusat pengeluar tembakau yang utama. Kebanyakan tembakau ditanam oleh pekebun-pekebun kecil berbangsa Cina. Tembakau tidak diusahakan sebagai tanaman tunggal tetapi ditanam bersama-sama dengan tanaman sampingan yang lain.⁶⁰

5.3 Demografi

Ekoran daripada kemelesetan ekonomi, ramai golongan buruh telah dihantar pulang ke negara masing-masing sama ada dengan perbelanjaan sendiri atau melalui bantuan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial. Ini terpaksa dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kerugian yang ditanggung oleh golongan pemodal. Bagaimanapun setelah ekonomi kembali pulih, golongan pemodal menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh bagi meneruskan aktiviti ekonomi mereka.

Permintaan terhadap tenaga buruh yang tinggi dari sektor swasta dan Pentadbiran Kolonial tidak dapat dipenuhi. Dianggarkan jumlah tenaga buruh Cina berkurangan seramai 30,000 orang pada tahun 1933 dan 59,352 orang pada tahun 1934.⁶¹ Tenaga buruh dari India amat diperlukan pada masa itu, tetapi kos membawa masuk buruh ke negeri ini adalah tersangat tinggi. Kekurangan tenaga buruh ini telah mengakibatkan kadar upah melambong tinggi terutama sekali di sektor perladangan. Dalam menangani masalah ini, Pentadbiran Kolonial mengambil sikap berhati-hati mengenai kemasukan buruh India ke Johor. Pentadbiran Kolonial bimbang akan terpaksa menghantar pulang buruh India sekali lagi dengan kos yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan sebilangan besar pemodal Eropah sekiranya kemelesetan ekonomi berulang kembali tidak mengambil buruh India, tetapi sebaliknya mengambil buruh-buruh Cina untuk bekerja di estet-estet mereka.

Kesukaran membawa masuk tenaga buruh dari India telah mendorong pemodal-pemodal Eropah menggunakan tenaga buruh dari China dan Jawa. Pada November 1935, kuota kemasukan imigran dari dua negeri tersebut dianggarkan seramai 4,000 orang sebulan⁶² dan selanjutnya meningkat kepada 6,000 orang pada Jun 1936.⁶³ Kesukaran

mendapat bekalan buruh ini, memberi peluang kepada golongan buruh di Johor untuk mengadakan beberapa demonstrasi bagi menuntut kenaikan gaji dan kemudahan sosial seperti kemudahan tempat tinggal, kesihatan dan pelajaran yang lebih baik.⁶⁴ Pada November 1935, seramai 200 orang Cina Hailam telah berkumpul dan mengadakan perarakan dari Pogoh ke Muar bertujuan menuntuh kenaikan gaji. Pada April 1937, satu pemogokan yang melibatkan seramai 1,000 buruh Cina telah diadakan di Kluang. Keadaan ini telah memaksa majikan-majikan estet menaikkan gaji buruh mereka. Dalam keadaan begini, *Johor Planter's Association* telah mengkritik Pentadbirtan Kolonial, ekoran daripada kekurangan bekalan buruh yang diperlukan oleh golongan pemodal. Dalam laporan *Johor Planter's Association*, mereka meluahkan rasa tidak puas hati terhadap polisi Pentadbiran Kolonial seperti berikut.

"..... This reason definitely indicates that the Government of this country are very pessimistic regarding the future prosperity of Malaya and as a result of this attitude, the majority of Estates in Johore have had to face considerable hardships through a very serious shortage of labour which has caused wages to rise to a level which is entirely unjustified under the present market price of rubber." ⁶⁵

5.4 Pentadbiran Kolonial

Semasa kemelesetan ekonomi, (1929- 1932), Pentadbiran Kolonial terpaksa menganalisa semula kedudukan kewangan mereka dan kemudiannya memperkenalkan polisi-polisi baru bagi mendapatkan sumber kewangan, dan di masa yang sama mengurangkan perbelanjaan bagi meneruskan pembangunan dalam negeri. Selepas keadaan pasaran kembali pulih, aktiviti ekonomi telah menunjukkan perkembangan yang positif seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Bagi sektor pendapatan, jumlah nilai pendapatan negeri telah meningkat daripada \$11,806,152 pada tahun 1933⁶⁶ kepada \$24,737,983 pada tahun 1940.⁶⁷ Peningkatan ini ekoran daripada polisi cukai yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Kolonial sebelum ini, terutamanya cukai tanah dan duti kastam. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial juga memperolehi pendapatan hasil daripada kutipan pelbagai bentuk cukai terutama sekali di kawasan perbandaran.

Bagi sektor perbelanjaan, peruntukan telah meningkat daripada \$11,589,496 pada tahun 1933⁶⁸ kepada \$23,548,567 pada tahun 1940.⁶⁹ Perbelanjaan meningkat antara lain disebabkan Pentadbiran Kolonial telah menubuhkan jabatan-jabatan baru di bawah pengawalan

Public Works Department seperti *Water Supply Department, Electric Supply Department* pada 1934 dan *Drainage and Irrigation Department* pada tahun 1938. Selain daripada pembangunan dalam sistem pentadbiran, Pentadbiran Kolonial di bawah peruntukan khas juga telah melaksanakan projek pembinaan bangunan-bangunan Pentadbiran Kolonial berskala besar seperti pembinaan State Office dengan kos \$ 2 juta pada tahun 1940.

Dalam tempoh masa lapan tahun (1933-1940), Pentadbiran Kolonial telah merekodkan defisit kewangan sebanyak \$1,267,671(1935), \$523,103(1937), \$931,003(1938) dan \$1,735,586(1939). Walaupun mengalami defisit namun begitu jumlah nilai portfolio pelaburan kewangan masih tidak terjejas. Pentadbiran Kolonial berjaya membayar balik defisit kewangan dengan menggunakan simpanan tunai dan simpanan tetap. Dalam tempoh masa ini, jumlah nilai portfolio pelaburan kewangan dan peratus kepentingannya telah menunjukkan peningkatan yang positif. Pada tahun 1933, jumlah nilai portfolio pelaburan adalah sebanyak \$28,068,419 iaitu 77.51% dan telah meningkat kepada \$38,095,211 iaitu 92.28% pada tahun 1940.

5.5 Pendapatan Negeri

Perkembangan ekonomi yang berterusan juga telah

meningkatkan pendapatan negeri. Pada tahun 1933, Pentadbiran Kolonial telah merekodkan jumlah pendapatan negeri sebanyak \$11,806,152 dan jumlah ini telah meningkat pada tahun 1940 dengan jumlah sebanyak \$24,737,983. Jadual 5.8. menunjukan jumlah pendapatan sebenar yang dikumpul adalah melebihi anggaran pendapatan negeri yang dibuat sehingga 1937. Walau bagaimanapun, pada tahun 1938 dan 1939 telah berlaku perubahan disebabkan kemelesetan ekonomi dunia. Jika dibandingkan dengan sumber pendapatan pada tahun 1933 hingga 1939, terdapat empat sumber pendapatan yang utama iaitu cukai tanah, kastam, eksais dan lain-lain cukai. Peratus kepentingan cukai tanah adalah sebanyak 22.0%, kastam 31.7%, eksais 20.7% dan lain-lain cukai 25.6%.

Berdasarkan Jadual 5.9., jelas dapat dilihat perubahan dalam komposisi sumber pendapatan utama dalam tempoh masa tiga dekad. Pertama, sumbangan lesen, eksais dan penjualan candu memperlihatkan kepentingan yang semakin berkurangan. Peratus sumbangan komposisi ini terhadap jumlah nilai pendapatan negeri telah menurun dengan ketara sekali. Pada tahun 1911, sumbangannya adalah sebanyak 63.66% dan peratusan ini telah menurun kepada hanya 16.22% sahaja pada tahun 1940.

Jadual 5.8.Jumlah Nilai Pendapatan Negeri, Sebenar dan Anggaran, 1933-1939, (*Straits Dollar*)

Tahun	Nilai Sebenar	Nilai Anggaran	Perbezaan
1933	11,806,152	11,032,476	485,887
1934	16,660,594	10,120,866	6,539,728
1935	17,162,127	13,282,088	3,880,039
1936	17,388,691	16,292,970	1,095,721
1937	20,196,688	16,364,130	3,832,558
1938	17,922,090	19,500,000	-1,577,910
1939	19,191,013	19,623,700	-432,687
1940	24,737,983	t.d.	t.d.

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939

Jadual 5.9. Komposisi Sumber Cukai di Negeri Johor, 1911, 1915, 1920, 1925, 1930, 1935 dan 1939, (*Straits Dollar*)

Tahun	Cukai Tanah		Kastam		Lesen, Eksais dan Monopoli		Lain-Lain		Jumlah
		%		%		%		%	
1911	101,652	2.57%	634,016	16.03%	2,517,655	63.66%	701,578	17.74%	3,954,901
1915	322,320	5.57%	1,654,609	28.58%	2,941,232	50.80%	872,231	15.06%	5,790,394
1920	1,115,649	9.42%	3,759,137	31.75%	5,552,341	46.90%	1,411,848	11.93%	11,838,976
1925	2,312,422	14.56%	5,922,218	37.28%	5,295,254	33.34%	2,354,698	14.82%	15,884,592
1930	2,529,933	17.29%	4,142,845	28.31%	4,025,757	27.51%	3,936,431	26.90%	14,634,966
1935	3,649,276	21.26%	4,916,743	28.65%	3,897,298	22.71%	4,698,810	27.38%	17,162,127
1940	4,120,959	16.66%	11,080,421	44.79%	4,012,726	16.22%	5,523,877	22.33%	24,737,983

Sumber: Disusun daripada ARJ 1911, 1914, 1920, 1925, 1930, 1935 dan 1939.

Kedua, cukai tanah dan lain-lain cukai menunjukkan peningkatan yang berterusan. Bagi cukai tanah, sumbangannya hanya sebanyak 2.57% pada tahun 1911 dan peratus ini telah meningkat dengan begitu ketara sekali kepada 16.66% pada tahun 1940. Lain-lain cukai juga menunjukkan peningkatan yang drastik iaitu sebanyak 17.74% pada tahun 1911 kepada 22.33% pada tahun 1940. Sementara itu, cukai kastam memperlihatkan peningkatan dari 16.03% pada tahun 1911 kepada 44.79% pada tahun 1940.

5.5.1 Kastam

Peningkatan perdagangan barang secara langsung telah membantu meningkatkan duti kastam. Jadual 5.10 dan Lampiran Jadual 5.2. menunjukkan jumlah nilai kastam yang telah meningkat daripada \$3,091,173 pada 1933⁷⁰ kepada \$11,080,421 pada 1940.⁷¹ Semasa kemelesetan ekonomi, duti kastam amat terjejas kerana duti eksport merosot dengan teruknya. Bagaimanapun, duti eksport telah menunjukkan peratus peningkatan yang agak tinggi terhadap jumlah nilai duti kastam iaitu daripada \$550,399⁷² atau 17.81 % pada tahun 1933 kepada \$2,112,744 atau 32.22% pada tahun 1939.⁷³ Sebaliknya, peratus kepentingan duti import telah menurun daripada 82.19% pada tahun 1933 kepada 67.78% pada tahun 1939 walaupun jumlah nilai kutipan

**Jadual 5.10. Jumlah Nilai dan Peratusan Kastam, Duti Eksport,
Duti Import 1933 - 1939, (*Straits Dollar*)**

Tahun	Jumlah Nilai Duti Eksport		Jumlah Nilai Duti Import	
	Nilai	%	Nilai	%
1933	550,399	17.81%	2,548,713	82.19%
1934	475,213	10.38%	4,101,357	89.62%
1935	1,245,030	25.30%	3,676,450	74.70%
1936	1,534,297	28.78%	3,797,299	71.22%
1937	2,791,218	36.82%	4,788,890	63.18%
1938	1,169,911	21.46%	4,281,771	78.54%
1939	2,112,744	32.22%	4,444,211	67.78%
1940	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.

Nota: td. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939

telah meningkat daripada \$2,548,713 pada tahun 1933⁷⁴ kepada \$4,444,211 pada tahun 1939.⁷⁵

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini, Pentadbiran Kolonial telah mengurangkan duti eksport kepada beberapa komoditi. Ekoran daripada kemelesetan pasaran, Pentadbiran Kolonial telah mengurangkan jumlah barang yang dikenakan cukai daripada 11 barang (1929) kepada 7 barang (1930), 6 barang (1931) dan 5 barang pada 1932. Pada 1934, Pentadbiran Kolonial telah mengurangkan kadar cukai eksport bagi kopra dan pinang dan akhirnya cukai ke atas eksport kelapa telah dihapuskan sama sekali pada April 1936.

Dalam jangka masa ini, Pentadbiran Kolonial mengenakan duti eksport ke atas komoditi seperti pinang, hasil hutan, galian dan getah. Sungguhpun sumbangan tiga komoditi pertama tersebut secara relatifnya adalah kecil, namun begitu duti ke atasnya, khususnya hasil hutan dan galian menunjukkan peningkatan. Hasil hutan dilaporkan jumlahnya telah meningkat daripada \$45,378 (1.47%) pada tahun 1933⁷⁶ kepada \$131,865 (2.01%) pada tahun 1939.⁷⁷ Galian juga menunjukkan peningkatan daripada \$47,460 (1.54%) pada tahun 1933 kepada

\$226,910⁷⁸ (3.46%) pada tahun 1939.⁷⁹

Duti eksport ke atas getah telah menunjukan peningkatan drastik daripada \$225,991⁸⁰ (7.31%) pada tahun 1933 kepada \$1,666,850 (25.42%), pada tahun 1939.⁸¹ Bagaimanapun, sumbangannya ke atas jumlah nilai pendapatan pada keseluruhannya merosot berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Duti ke atas eksport getah tidak lagi memainkan peranan penting seperti dahulu. Sebelum ini, getah menyumbangkan 1-5% *ad-valorem* dan kadar ini telah dihentikan pada 31hb Dis 1935.

Selain daripada cukai, untuk menambahkan pendapatan Pentadbiran Kolonial juga memungut komisyen getah sebanyak 1 sen bagi satu 1 paun. Komisyen tersebut sebagai wang pendahuluan bagi *Rubber Fund*.⁸² Pada 1hb Julai 1935, kadar komisyen telah diturunkan kepada 0.7 sen.⁸³ Pada 1hb Oktober 1936, Pentadbiran Kolonial telah mengenakan 1% *ad valorem*.⁸⁴ Kadar ini sentiasa berubah mengikut harga pasaran iaitu minimumnya 1% *ad-valorem* semasa harga tempatan lebih rendah daripada 20 sen sepaun kepada 3.25% apabila harga pasaran lebih tinggi daripada 35 sen.⁸⁵

Selain daripada menetapkan kadar cukai, *Commissioner of Trade and Customs* telah mengemaskini sistem pentadbiran bagi

mengurangkan kadar penyeludupan. Pihak British sering mengadakan perbincangan mencari jalan penyelesaian bagi menamatkan aktiviti penyeludupan.⁸⁶ Bagi menyelesaikan masalah ini, *Commissioner of Trade and Customs* dengan menggunakan *Rubber Fund* telah meminta bantuan pegawai-pegawai luar mengadakan pemeriksaan. Tindakan ini diambil kerana kakitangan Jabatan Kastam di kawasan Tambak Johor tidak mencukupi.⁸⁷ Jabatan Kastam dengan bilangan kakitangan yang terhad sering mengadakan pemeriksaan di kawasan Tambak Johor. Sesiapa yang ditangkap dan didapati bersalah kerana menyuludup akan didenda.⁸⁸ Pada Februari 1936, sebilangan penyeludup telah ditangkap di kawasan perairan dan daratan kerana menyeluduk benih getah. Mereka semua telah dikenakan denda yang jumlahnya melebihi £ 30,000.⁸⁹

Getah biasanya diseludup ke Singapura pada waktu malam. Oleh itu, *Acting Commissioner of Trade and Customs* memikirkan adalah amat perlu untuk mengadakan kawalan pada waktu malam di sepanjang jalan menuju ke beberapa batang sungai dan anak-anak sungai yang menuju masuk ke Selat Johor.⁹⁰ Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial juga telah menghadkan lesen penjualan getah terhadap pembekal-pembekal di Johor dalam usaha mengurangkan aktiviti penyeludupan

getah ini.⁹¹

Selain daripada duti eksport, duti import juga telah menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1933, sumbangan jumlah nilai duti import adalah sebanyak \$2,548,713⁹² (82.19%) dan telah meningkat kepada \$4,444,211 (67.78%) pada tahun 1939⁹³. Selain daripada cukai rokok, cukai petrol juga merekodkan peningkatan daripada \$816,113⁹⁴ (26.40%) pada tahun 1933 kepada \$1,493,566 (22.78%) pada tahun 1939.⁹⁵ Cukai ini dikutip terutamanya daripada penduduk kawasan bandar yang banyak melibatkan diri dalam sektor komersil.

5.5.2 Lesen dan Eksais

Tahun 1910-an, cukai penjualan candu merupakan satu-satunya sumber cukai pentadbiran kolonial. Lebih daripada 60% daripada jumlah nilai pendapatan diperolehi daripada sumber ini. Bagaimanapun duti ke atas penjualan candu kini semakin berkurangan. Salah satu puncanya disebabkan tindakan pentadbiran kolonial yang ingin menghapuskan penjualan candu. Pada 1936, Pentadbiran Kolonial telah meminda *The Opium Chandu Enactment*.⁹⁶ Dalam undang-undang baru ini, R. Moor, *Acting Legal Adviser Johore* telah menyatakan bahawa sesiapa sahaja termasuk mereka yang di bawah umur 21 tahun yang

menghisap atau terlibat dengan aktiviti pengedaran dan penjualan candu yang didapati bersalah akan dikenakan denda termasuklah hukuman penjara.⁹⁷ Kedai-kedai yang mempunyai lesen penjualan candu adalah sebanyak 39 buah sahaja dan hanya terdapat 48 orang penghisap candu yang baru pada tahun 1937.⁹⁸

5.5.3. Cukai Tanah

Sebelum ini, seperti yang telah dijelaskan cukai tanah memainkan peranan penting sebagai salah satu sumber pendapatan yang utama bagi negeri Johor. Ini kerana sumber cukai ini merupakan sumber cukai yang stabil pendapatannya setiap tahun. Ekoran daripada sistem pentadbiran yang teratur, cukai tanah yang dikutip telah menunjukkan peningkatan. Jadual. 5.11., di bawah menunjukan jumlah kutipan cukai tanah yang dikumpulkan oleh setiap daerah menunjukan yang ratarataanya peningkatan yang stabil.

Pembaharuan yang diperkenalkan dalam sistem pentadbiran tanah telah menimbulkan beberapa rungutan dari pihak luar dan dalam. Sementara itu urusan pengutipan cukai juga turut memberikan masalah kepada Jabatan Tanah. Selain daripada itu, tuan-tuan tanah, terutamanya ahli *Johor Planter's Association* tidak berpuas hati kerana kadar cukai

**Jadual 5.11. Nilai Pengumpulan Cukai Tanah Sewa, 1935 dan 1938,
(Straits Dollar)**

Daerah	Jumlah Cukai yang Patut Dikumpul (A)	Jumlah Cukai Dikumpul (B)	Peratusan (B)/(A) 1935	Peratusan (B)/ (A) 1938
Segamat	314,292	313,907	97.1	99.9
Johor Bahru	622,816	616,397	96.7	99.6
Kota Tinggi	318,850	314,962	96.8	99.5
Mersing	47,806	46,944	86.4	99.3
Kluang	529,045	513,159	97.8	98.9
Muar	701,682	667,103	98.1	97.8
Batu Pahat	853,099	808,510	89.7	95.2
Pontian	315,650	295,658	93.5	93.9

Sumber: Disusun daripada FCJ 298/1935: CLMJ kpd. FCJ, 31 Mac 1935. Lampiran 18 , FCJ 17/1938: CLMJ kpd. FCJ, Monthly Rent Collection by District, Januari -Disember, 1938. 2 Januari 1938. FCJ 7/1940: O.E.Venables, CLMJ kpd. FCJ, 2 Januari 1940, Lampiran 24.

tanah yang dikenakan adalah tinggi. Ahli *Johor Planter's Association* kerap dan terus mengkritik polisi tanah tersebut.⁹⁹

5.3.4 Lain- Lain Sumber Pendapatan

Dalam tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial telah menumpukan perhatian terhadap pungutan cukai di kawasan perbandaran. Jadual 5.12. dan 5.13., menunjukkan kadar cukai yang dikenakan oleh Pentadbiran Kolonial bagi penduduk-penduduk di kawasan bandar.

Secara umum dapat disimpulkan bahawa pada tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial telah melakukan perubahan dalam pendekatan struktur pendapatan negeri. Pentadbiran Kolonial pada masa ini tidak lagi perlu menumpukan perhatian serius terhadap keadaan pasaran eksport. Pentadbiran Kolonial telah berjaya membina struktur pengumpulan pendapatan negeri yang lebih kukuh berbanding sebelumnya. Kepentingan duti eksport yang bergantung kepada keadaan pasaran telah berubah ekoran daripada perkembangan duti import yang menghasilkan sebahagian besar daripada pendapatan negeri. Selain daripada duti import, Pentadbiran Kolonial telah mendapat sumber pendapatan yang tetap daripada cukai tanah dan lain-lain cukai yang dikenakan kepada penduduk bandar. Ini disebabkan cukai-cukai ini tidak terjejas oleh

Jadual 5.12. Kadar Cukai, *Town Board*

Cukai daripada Pinjaman Harta Pentadbiran Kolonial	6% kepada 12% daripada jumlah kos rental
Cukai daripada Bekalan Air	Rumah Peribadi (30 sen \$1.00 setiap 1,000 galon, Perniagaan/Perdagangan (50 sen setiap 1,000 gelen.)
Cukai daripada Bekalan Elektrik	25 sen setiap unit, Pengecualian cukai bagi tujuan aktiviti perniagaan dan perdagangan.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933-1939

Jadual 5.13. Jumlah Pendapatan yang dikumpul dari *Town Board*, 1933 - 1939, (*Straits Dollar*)

	1933	1934	1935	1936	1937	1938	1939
Bekalan Elektrik	282,860	308	377,167	443,739	541,759	586,520	626,111
General Assessment	226,194	192	203,365	212,640	212,801	227,001	244,093
Market Fees	72,507	79	89,943	86,167	87,208	91,785	91,591
Bekalan Air	95,973	116,894	137,003	154,868	183,803	201,770	237,330
Conservancy	104,842	103,593	117,600	124,798	131,331	137,856	149,327
Jumlah	782,376	221,066	925,078	1,022,233	1,156,900	1,244,912	1,350,452
Peratusan daripada Jumlah Nilai Peruntukan	6.63%	6.84%	5.02%	5.71%	6.29%	6.60%	6.45%

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933, hal:47, ARJ 1934, hal:47, ARJ 1937, hal:61, ARJ 1939, hal:44.

perubahan pasaran. Selain daripada dua sumber pendapatan ini, duti kastam juga turut sama mengalami perubahan.

Pergantungan cukai kastam terhadap duti eksport berkurangan daripada 11 barang pada tahun 1929 kepada hanya 4 barang sahaja pada tahun 1935 dan duti import seperti tembakau dan petrol menjadi sumber yang penting kepada duti kastam. Ini kerana pentadbiran kolonial ingin mempelbagaikan sumber percukaian dan tidak lagi bergantung kuat kepada cukai getah dan candu. Dimasa yang sama, Pentadbiran Kolonial juga cuba mengurangkan pergantungan pendapatan terhadap penjualan candu.

5.6 Perbelanjaan Negeri

Keadaan ekonomi yang semakin berkembang maju dan peningkatan pendapatan negeri telah memberi kesan yang positif terhadap peruntukan kewangan. Jumlah nilai perbelanjaan meningkat daripada \$11,589,496 pada tahun 1933¹⁰⁰ kepada \$23,548,567 pada tahun 1940.¹⁰¹ Sepanjang tempoh masa ini, nilai perbelanjaan sebenar menunjukkan jumlah yang kurang daripada jumlah anggaran perbelanjaan negeri kecuali pada tahun 1935. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5.14.. Keadaan

Jadual 5.14. Perbelanjaan Negeri, Nilai Sebenar and Anggaran, 1933 - 1940, (Straits Dollar)

Tahun	Perbelanjaan Negeri		
	Nilai Sebenar	Nilai Anggaran	Perbezaan
1933	11,589,496	12,477,958	-888,462
1934	11,692,215	13,462,490	-1,770,375
1935	18,429,798	16,292,402	2,137,396
1936	17,911,794	20,601,022	-2,689,228
1937	18,397,752	21,312,837	-2,915,085
1938	18,853,093	22,107,505	-3,254,412
1939	20,926,599	25,812,709	-4,895,110
1940	23,548,567	t.d.	t.d.

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939

ini berlaku kerana kos sebenar yang digunakan bagi kerja-kerja awam adalah lebih kecil daripada jumlah perbelanjaan yang dianggarkan.

5.6.1 Gaji Kakitangan, Pencen dan Kos Pentadbiran

Peruntukan perbelanjaan bagi pencen, gaji kakitangan dan kos pentadbiran menunjukkan peningkatan yang berterusan. Jumlah peruntukan telah meningkat daripada \$8,128,167 pada tahun 1933¹⁰² kepada \$16,261,762 pada tahun 1940.¹⁰³ Fenomena ini berlaku ekoran daripada kompleksiti dalam sistem pentadbiran, seperti pengupahan Penghulu sebagai pemungut cukai tanah. Sungguhpun jumlah peruntukan terhadap gaji kakitangan meningkat, ini tidak bermakna semua kakitangan mendapat faedah daripada kenaikan tersebut. Sebahagian besar daripada kakitangan awam berpangkat rendah terpaksa menghadapi masalah hutang disebabkan gaji mereka sangat terhad. Pada 26hb Julai 1936, Pentadbiran Kolonial telah menukuhan satu jawatankuasa untuk mencari jalan penyelesaian mengenai masalah hutang di kalangan kakitangan awam yang berpangkat rendah di Johor.¹⁰⁴ Jawatankuasa ini telah mencadangkan agar skim-skim tertentu dibentuk. Gaji setiap pegawai di negeri Johor kecuali pegawai kelas dua di *Malayan Establishment* dan pegawai yang setaraf dengannya akan dikurangkan sebanyak 5%.

Perkembangan pembinaan infrastruktur dan juga peningkatan jumlah penduduk memerlukan sistem pentadbiran yang lebih cekap. Seperti yang telah dibincangkan dalam sektor pendapatan, Pentadbiran Kolonial telah meluaskan fungsi cukai tanah dan telah menukuhan jabatan-jabatan baru seperti *Water Supply Department*, *Electric Supply Department* dan *Drainage and Irrigation Department* dibawah pentadbiran *Public Works Department* pada tahun 1938.

5.6.2 Kerja Raya

Dalam tempoh masa ini pihak Pentadbiran Kolonial telah membina jalanraya yang menghubungkan bandar Kota Tinggi dengan Mersing dan yang menghubungkan Mersing dengan Endau. Dengan terhubungnya dua buah bandar tersebut, maka lengkaplah jalanraya yang boleh menghubungi negeri Johor kepada negeri-negeri di pantai timur Tanah Melayu. Sekali gus ianya juga dapat menhubungi Singapura dengan pantai timur negeri ini melalui jalan darat. (Sila lihat Jadual 5.15 dan Peta 5.1)


Selain daripada projek di atas pihak Pentadbiran Kolonial hanya menjalankan kerja-kerja meningkat mutu jalanraya yang sedia ada

Jadual 5. 15. Peningkatan Mutu Jalan Raya di Johor, 1934 dan 1939

	Batu			Chain		
	1934	1939	+/-	1934	1939	+/-
Asphalted or tarred Surfaces	537	610	73	62	58	-4
Metalised surface	264	212	-52	26	70	44
Gravelled Surface	59	71	12	19	51	32
Concrete	13	18	5	61	77	16
Total length of Asphalt, Gravelled and Concrete roads	875	914	39	8	16	8
Earth road	8	7	-1	65	33	-32
Approach roads and back lanes	68	75	7	53	56	3
Jumlah	952	997	45	38	25	-13

Sumber: ARJ 1934, hal:48 ARJ 1939, hal:33.

Peta. 5.1. Sistem Pengangkutan di Negeri Johor, 1933 - 1939



Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939

seperti membubuh *asphalt*, *gravel*, *metal surface* dan *concrete*. Dalam tempoh masa ini tidak ada pertambahan konektiviti baru dalam pembinaan landasan keretapi. Kerja-kerja yang dijalankan hanya tertumpu kepada pengurusan dan baikpulih sahaja.

5.6.3 Utiliti

5.6.3.1 Telegraf dan Telefon

Pada tahun 1934, Johor mengalami perkembangan telekomunikasi apabila *Oriental Telephone Exchange Company* membina Johor Bahru *Automatic Exchange*. Pada tahun 1935, Batu Enam, Bakri, Labis dan Sungai Mati telah mendapat 25 talian *Automatic Exchange*. Pada tahun 1934, sebuah kilang kecil telah dibina di Muar bagi membina tiang telefon Pentadbiran Kolonial. Kilang ini telah menyebabkan kilang yang kedua telah dibuka di Johor Bahru pada tahun 1935. Pada Mac 1940, tiang telefon telah dihentikan oleh kerana itu, tiang perlu didapatkan dari *P & T Workshop* apabila diperlukan.¹⁰⁵

Pada 22hb Mac 1939, Jurutera Negeri, Jabatan Kerja-kerja Awam telah menyerahkan sebuah laporan kepada Pesuruhjaya Kewangan Negeri mengenai sistem organisasi dan sistem pentadbiran dalam Jabatan Kerja-kerja Awam.¹⁰⁶ Dalam laporan ini, beliau menentang mengenai cara

perlantikan anggota Majlis yang dilantik oleh Sultan kerana ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap sistem pentadbiran dan organisasi. Pada tahun 1939, empat daripada lima ahli jawatankuasa tidak mempunyai kelayakan sebagai Jurutera atau Arkitek. Oleh itu, semua projek-projek yang dicadangkan di sini tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.¹⁰⁷

5.6.3.2 Bekalan Elektrik

Perkembangan yang pesat dalam bekalan elektrik telah mendesak penuhnya sebuah jabatan elektrik tersendiri yang dikenali sebagai *Electrical Department*. Jabatan ini terpisah daripada *Public Works Department*.¹⁰⁸ Pada tempoh ini terdapat sebanyak enam buah stesen elektrik yang diuruskan oleh pihak Pentadbiran Kolonial. Dari segi kapasiti didapati berlaku peningkatan yang amat pesat dari 2,686 KW pada tahun 1937 kepada 3,776 KW pada tahun 1939. Dari segi konsumsi, seperti yang diramalkan berlaku pertambahan yang besar iaitu dari 4,659,348 units pada tahun 1937 kepada 4,750,615 units pada tahun 1938. Pertambahan ini disebabkan berlakunya peningkatan jam bekalan elektrik dari 12 jam kepada 24 jam di beberapa buah daerah, seperti Kota Tinggi yang tidak berlaku sebelum ini.¹⁰⁹ Permintaan kepada bekalan

elektrik yang terus menerus meningkat menyebabkan pihak Pentadbir Kolonial memandang ini sebagai sumber pendapatan yang menguntungkan pada masa ini dan di masa akan datang. Oleh yang demikian pada tahun 1939, Pentadbiran Kolonial telah membuat keputusan untuk melabur dalam bidang ini sebanyak \$2,000,000 bagi tujuan pembinaan janakuasa di Batu Lima, Jalan Skudai.¹¹⁰

5.6.3.3 Bekalan Air

Pada masa ini tidak banyak projek-projek besar yang dijalankan, kecuali pembinaan *reservoir* di bandar-bandar kecil seperti Renggam, Pontian Besar dan Pontian Kechil. Selain daripada itu pembinaan *concrete water towers* dilaksanakan di beberapa buah bandar seperti Tangkak, Bukit Kangkar dan Bukit Serene. Tugas-tugas ini dikendalikan oleh Cawangan Kerja Air, yang ditadbir di bawah *Public Works Department*.¹¹¹

5.6.4 Perkhidmatan Sosial

5.6.4.1 Pendidikan

Semenjak Mac 1928, Jabatan Pendidikan telah diletakkan di bawah kawalan *European Superintendent*. Pada tahun 1934, terdapat 6 orang *European Masters*. Di samping itu, terdapat juga jawatankuasa yang

ahlinya terdiri daripada orang Melayu yang bertanggungjawab menyediakan sukanan pelajaran bagi sekolah-sekolah agama di negeri Johor.¹¹² Jadual 5.16 menunjukan peningkatan jumlah sekolah yang terdapat di negeri Johor.

Sistem pendidikan sekolah Inggeris telah diperkembangkan lagi dengan mengubah sukanan pelajaran dan juga mengadakan sistem pendidikan lanjutan. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial juga menyediakan beberapa sumbangan khas kepada penuntut-penuntut yang berpotensi untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Kolej Perubatan dan Kolej Raffles di Singapura serta Sekolah Teknik di Kuala Lumpur.¹¹³ Sekolah Pertanian juga telah diwujudkan oleh Jabatan Pertanian, NNS dan NNMB. Kakitangan Pentadbiran Kolonial akan menjalani latihan penanaman padi di pusat kajian penanaman padi Pentadbiran Kolonial.¹¹⁴ Selain daripada itu, terdapat juga kursus mengenai pemerosesan kopra di *Klang Coconut Experimental Station*. Pentadbiran Kolonial menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar lelaki berketurunan Melayu bagi melanjutkan pelajaran di sekolah tersebut.

5.6.4.2 Perubatan

Projek-projek yang berhubung dengan kemudahan perubatan memperlihatkan pola yang hampir serupa dengan tempoh sebelumnya,

Jadual 5.16. Struktur Pendidikan di Johor, 1934 - 1939

	No. Sekolah			No.guru			No.Penuntut		
	1934	1939	+/-	1934	1939	+/-	1934	1939	+/-
Sekolah Pentadbiran Kolonial									
Sekolah Agama, (Lekali)	48	80	+32		207			11,645	
(Perempuan)	6	16	+10						
Malay Vernacular (Lelaki)	108	140	+32	388	617		9,860	17,974	8,114
(Perempuan)	15	22	+7		22		1,118	2,812	1,694
Sekolah Inggeris (Lelaki)	6	8	+2	10*(1) 81*(2)	9*(1) 109*(2)		1,669	2,213	544
Aided School									
Sekolah Inggeris (Perempuan)	7	2	-5	7			324	436	112
Sekolah Tamil	41	130	+89				993	4,434	3,441
Sekolah Swasta									
Sekolah Inggeris	16	23	+7				862	2,669	1,807
Sekolah Cina	148	254	+106	289	606	+31 7	6,940	16,911	9,971

Nota: Tidak ada data-data pada 1933

Sumber: Disusun daripda ARJ 1934 - 1939

iaitu meningkatkan bilangan katil, dewan bedah, wad bersalin, *quarters* kakitangan dan sebagainya. Bagaimanapun projek yang agak berbeza ialah pembinaan rumah sakit jiwa untuk kegunaan 1,000 orang pesakit di Tampoi, yang meliputi kawasan seluas 75 ekar dengan kos sebanyak \$1,632,000.¹¹⁵

5.6.5 Peruntukan Khas

5.6.5.1 Pembinaan Pejabat Pentadbiran Kolonial

Bagi sektor kerja-kerja awam, peruntukan untuk penjagaan dan projek-projek tertentu telah meningkat dengan ketara sekali. Contohnya, Oleh kerana Pentadbiran Kolonial tidak mempunyai bangunan sendiri, Sultan Ibrahim telah mengemukakan cadangan pembinaan pejabat-pejabat Pentadbiran Kolonial negeri Johor. Berikutan dengan itu, pada 1938, kerja-kerja awal membina bangunan ini telah dimulakan di Bukit Timbalan, Johor Bahru. Bangunan berkenaan telah siap dibina sepenuhnya pada tahun 1941. Bangunan setinggi 9 tingkat ini bernilai \$2 juta dan dibina oleh Arkitek, *Messrs, Palmer & Turner*, Kontraktor, *Messers. United Engineers dan Messrs. Ah Hong & Co.*¹¹⁶

5.7 Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan pada tempoh masa ini buat kali

pertama mengalami defisit. Sepenjang tempoh lapan tahun didapati akaun defisit pada tahun 1935 (\$-1,267,671), 1936 (\$-523,103), 1938 (\$-931,003) dan 1939 (\$-1,735,586). (Sila lihat Jadual 5.17) Ini disebabkan perbelanjaan yang besar diperlukan bagi membiayai gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran dan juga bagi membiayai projek-projek pembangunan yang dijalankan.

Masalah defisit di atas sebenarnya bukanlah merupakan masalah yang besar, kerana dalam tempoh masa ini (1933 - 1940) pihak Pentadbiran Kolonial masih boleh mengumpul lebihan sebanyak \$3,696,124. Pada 1938, J.C. Thomas, *High Commissioner for The Malay States* menyatakan kepada Pejabat Kolonial di London seperti berikut:

".... Up to the deficit of \$2.5 million is not such as need caution in view of the State's present financial strength".¹¹⁷

Bagaimanapun kesempatan ini diambil oleh pihak Pentadbiran Kolonial untuk mengeluarkan deposit tetap dan mengurangkan jumlah simpanan wang tunai. Peruntukan bagi deposit tetap telah berkurangan daripada \$7,100,000 (1933), \$5,800,000 (1934), \$2,000,000 (1935) dan \$800,000 (1936).¹¹⁸ Peruntukan bagi deposit tetap ini akhirnya telah dihentikan pada tahun 1938. Sementara itu,

**Jadual 5.17. Pendapatan Negeri, Perbelanjaan Negeri dan Imbangan Kewangan, 1933 - 1940,
(Straits Dollar)**

Tahun	Pendapatan Negeri	Perbelanjaan Negeri	Imbangan
1933	11,806,152	11,589,496	216,656
1934	16,660,594	11,692,115	4,968,479
1935	17,162,127	18,429,798	-1,267,671
1936	17,388,691	17,911,794	-523,103
1937	20,196,688	18,397,752	1,798,936
1938	17,922,090	18,853,093	-931,003
1939	19,191,013	20,926,599	-1,735,586
1940	24,737,983	23,548,567	1,189,416
1933-1940	145,065,338	141,349,214	3,696,124

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939, dan Revenue and Expenditure 1940, State of Johore, hal:8.

jumlah peruntukan bagi simpanan wang tunai telah menunjukkan turun-naik untuk menyelesaikan defisit kewangan.

Wang tunai dan deposit tetap hanya sebahagian kecil sahaja digunakan untuk mengatasi masalah defisit, tetapi sebahagian besarnya disalurkan kepada portfolio pelaburan kewangan. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.18, saiz peruntukan bagi portfolio pelaburan kewangan telah meningkat daripada \$28,774,680 pada tahun 1933 kepada \$38,095,211 pada tahun 1940. Langkah ini perlu diambil bagi mempastikan wang lebihan negeri Johor tidak jatuh ke tangan musuh sekiranya berlaku peperangan atau penaklukan. Keadaan di atas menunjukkan bahawa portfolio pelaburan kewangan telah berjaya menyediakan sumber kewangan yang tetap bagi menghadapi sebarang perubahan yang berlaku terhadap pendapatan dan perbelanjaan Pentadbiran Kolonial. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 5.19, portfolio pelaburan kewangan ini dilaburkan ke dalam tiga kategori yang utama iaitu *Sterling Security*, *Local Security* dan *Opium Revenue Replacement Reserve Fund*. Hampir semua kewangan telah disalurkan ke Britain dan koloni British yang lain melalui *Sterling Security* dan *Opium Revenue Replacement Reserve Fund*. Selain daripada itu,

Jadual 5.18. Jumlah Nilai dan Komposisi, Simpanan Wang Tunai, Deposit Tetap dan Portfolio Pelaburan Kewangan, 1933 - 1940, (Straits Dollar)

Tahun	Simpanan Wang Tunai	Peratusan	Simpanan Tetap	Peratusan	Portfolio Pelaburan Kewangan	Peratusan	Jumlah Nilai Aset
1933	1,249,152	3.36%	7,100,000	15.13%	28,774,680	77.51%	37,123,832
1934	3,364,770	7.84%	5,800,000	13.51%	33,762,563	78.65%	42,927,333
1935	2,579,928	6.04%	2,000,000	4.63%	38,133,361	89.28%	42,713,289
1936	2,962,620	7.08%	800,000	1.91%	38,057,474	91.00%	41,820,094
1937	4,432,393	10.32%	800,000	1.86%	37,714,983	87.82%	42,947,376
1938	2,766,108	6.90%	0	0.00%	37,328,123	93.10%	40,094,231
1939	2,197,190	5.48%	0	0.00%	37,920,389	94.52%	40,117,579
1940	3,186,689	7.72%	0	0.00%	38,085,211	92.28%	41,281,900

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1939 dan State of Johore, Estimate, Revenue and Expenditure, 1942, K.C. David, Superintendent of Finance, Johore Bahru, Government Printer, State of Johore, 1941.

Jadual 5.19, Pembahagian Portfolio Pelabuhan Kewangan Mengikut Objektif, 1933 - 1940, (Straits Dollar)

Tahun	Britain dan Koloni-Koloni British				NNMB		Jumlah Nilai Portfolio Pelaburan kewangan
	Sterling Security	%	Opium Revenue Replacement Reserve Fund	%	Local Security	%	
1933	13,320,731	46.29%	15,038,544	52.26%	415,405	1.44%	28,774,680
1934	18,177,430	53.84%	15,173,189	44.94%	415,405	1.23%	33,762,563
1935	20,726,442	54.35%	15,994,975	41.94%	411,944	1.08%	38,133,361
1936	20,792,665	54.63%	15,852,865	41.66%	1,411,944	3.71%	38,057,474
1937	20,997,502	55.67%	15,325,537	40.64%	1,411,944	3.74%	37,714,983
1938	20,055,591	53.73%	15,390,316	41.23%	1,411,944	3.78%	37,328,123
1939	20,796,951	54.84%	15,364,994	40.52%	1,411,944	3.72%	37,920,389
1940	20,898,948	54.87%	15,437,819	40.53%	1,411,944	3.71%	38,085,211

Sumber: Disusun daripada ARJ 1933 - 1939 dan State of Johore, Estimate, Revenue and Expenditure, 1942, K.C. David, Superintendent of Finance, Johore Bahru, Government Printer, State of Johore, 1941.

sebahagian kecil telah disalurkan kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

5.8 KESIMPULAN

Selepas kemelesetan ekonomi, pasaran dunia telah pulih semula. Dengan berlakunya demikian, permintaan terhadap komoditi-komoditi eksport mula memperlihatkan peningkatan yang berterusan. Ini digambarkan oleh peningkatan dalam jumlah dan nilai eksport komuniti utama seperti getah dan komoditi-komoditi lain. Kestabilan harga getah sedikit sebanyak adalah kesan daripada perlaksanaan "*International Rubber Regulation Scheme*". Keadaan pasaran dunia yang stabil, selain daripada meningkatkan nilai eksport, ianya juga turut meningkatkan jumlah nilai import. Dalam tempoh masa ini ciri yang penting dan menonjol ialah jumlah nilai import bahan-bahan perkilangan melebihi nilai import bahan makanan dan minuman.

Pemulihan pasaran dunia yang seterusnya meningkatkan permintaan terhadap komoditi-komodi eksport, telah mempengaruhi perkembangan aktiviti golongan pemodal di negeri Johor. Golongan pemodal seperti sebelumnya, telah memberikan perhatian kepada tanaman getah, yang merupakan komoditi eksport yang mendapat permintaan tinggi

di pasaran dunia. Selain daripada tanaman getah, keluasan bagi tanaman eksport yang lain seperti kelapa sawit, nenas dan kelapa juga turut meningkat. Selain daripada komoditi pertanian, golongan pemodal juga memberikan perhatian kepada usaha-usaha perlombongan bijih besi, yang rata-taranya diusahakan oleh pemodal-pemodal Jepun. Golongan pemodal yang sifatnya sentiasa ingin memaksimakan keuntungan, tidak berminat untuk terlibat dalam tanaman makanan khususnya padi. Beban untuk membekalkan bahan makanan dipertanggungjawabkan kepada pihak Pentadbiran Kolonial British. Dalam hal ini, pihak Pentadbiran Kolonial British telah mengadakan beberapa usaha untuk menambahkan keluasan tanaman makanan, namun begitu usaha-usaha tersebut secara keseluruhannya tidak mencapai kejayaan.

Untuk menikmati keuntungan semaksima yang mungkin hasil daripada keadaan pasaran dunia yang menggalakkan, golongan pemodal telah cuba meluaskan kawasan tanaman komoditi eksport masing-masing. Namun begitu usaha tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar kerana golongan pemodal menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang serius. Ini disebabkan sebilangan besar daripada tenaga buruh migran dari India dan Cina telah pulang ke negeri masing-masing semasa kemerosotan ekonomi dahulu. Untuk menyelesaikan masalah ini, golongan pemodal

telah mendesak pihak Pentadbiran Kolonial British agar membenarkan kemasukan buruh secara besar-besaran daripada India dan China. Selain daripada itu golongan pemodal telah bekerjasama antara mereka mengawal upah buruh.

Perkembangan ekonomi yang pesat telah mendorong pihak Pentadbiran Kolonial memperkemaskan struktur pentadbiran kewangan mereka ke arah yang lebih mantap, stabil dan sistematik. Dalam tempoh masa ini pendapatan negeri telah meningkat secara berterusan. Sumber pendapatan negeri yang penting adalah terdiri daripada hasil kutipan kastam. Satu ciri yang menarik, pada masa ini didapati pendapatan daripada duti import yang kebanyakannya terdiri dari cukai petrol, tembakau dan arak adalah lebih tinggi daripada duti eksport.

Dalam struktur pentadbiran kewangan yang baru diperkemaskan ini, Pentadbiran Kolonial British telah mengambil langkah penghapuskan cukai lesen penjualan candu kerana pendapatan boleh diperolehi dengan mudah daripada cukai lesen tembakau dan arak. Ini memperlihatkan bahawa Pentadbiran Kolonial British tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber pendapatan atau cukai tradisional.

Bagi cukai tanah, Pentadbiran Kolonial telah membentuk satu sistem pentadbiran yang berjaya mengutip hampir keseluruhan hasil

yang sepatutnya. Ini dapat dilakukan kerana terbentuknya jentera pentadbiran yang melibatkan kerjasama daripada para Penghulu dan juga dengan adanya tambahan kakitangan baru.

Selain daripada cukai-cukai di atas, pendapatan negeri juga diperolehi daripada perkhidmatan telegraf, telefon, bekalan elektrik dan air. Ini merupakan satu tahap di mana Pentadbiran Kolonial British telah berjaya mendapatkan hasil yang agak banyak daripada perkhidmatan bekalan utiliti.

Bagi perbelanjaan negeri, bayaran gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran terus memperlihatkan peningkatan yang berterusan. Seperti yang dijelaskan, ini terjadi kerana berlakunya peningkatan dalam perlantikan kakitangan dan penubuhan jabatan-jabatan Pentadbiran Kolonial yang baru. Selain daripada perbelanjaan di atas, Pentadbiran Kolonial British telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi pembangunan infrastruktur, perkhidmatan utiliti, perkhidmatan sosial, pejabat Pentadbiran Kolonial, istana dan lain-lain kemudahan.

Dalam tempoh masa ini, pengurusan kewangan negeri Johor memperlihatkan tren yang berbeza dengan sebelumnya. Jumlah perbelanjaan negeri didapati kerap melebihi jumlah nilai pendapatan negeri. Secara keseluruhannya dalam tempoh 1933-1940, negeri Johor hanya

memperolehi lebihan sebanyak \$3,696,124. Walaupun tidak memperolehi lebihan yang begitu besar, pihak Pentadbiran Kolonial British tetap dengan objektif asal mereka iaitu membuat dan memperbanyakkan portfolio pelaboran kewangan.

Dalam tempoh masa ini, jumlah portfolio pelaburan kewangan terus memperlihatkan perkembangan daripada \$28,774,680 pada tahun 1933 kepada \$38,095,211 pada tahun 1940. Pertambahan ini terus boleh berlaku kerana Pentadibran Kolonial British telah menghapuskan lebihan kewangan yang diperuntukan kepada deposit tetap dan mengurangkan peruntukan bagi simpanan tunai. Dengan berbuat demikian pihak Pentadbiran Kolonial British berjaya memperuntukkan lebihan kewangan tersebut kepada portfolio pelaburan kewangan. Objektif pengumpulan wang dalam portfolio pelaburan kewangan ini diteruskan sehingga pihak tentera Jepun menakluki Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 1941.

NOTA KAKI

1. ARJ 1933, hal:23.
2. ARJ 1939, hal:18.
3. ARJ 1933, hal:23.
4. ARJ 1939, hal:18.
5. ARJ 1914, hal:24.
6. ARJ 1939, hal: 19.
7. Lihat Sir Andrew Mc Fadyear, **History of Rubber Regulation 1934 - 1943, For the International Rubber Regulation Committee**, London, George Allen & Urwin Ltd, 1956.
8. Ibid.
9. ARJ 1933, hal:23.
10. ARJ 1939, hal:18.
11. ARJ 1933, hal:23.
12. ARJ 1939, hal:18.
13. ARJ 1933, hal:23.
14. ARJ 1939, hal:18.
15. ARJ 1933, hal:23.
16. ARJ 1939, hal:18.
17. ARJ 1933, hal:23.
18. ARJ 1939, hal:18.
19. ARJ 1933, hal:23.
20. ARJ 1939, hal:18.

21. **ARJ** 1933, hal:23.
22. **ARJ** 1939, hal:18.
23. Lihat Shihō Kato, "Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua", Tesis Sarjana, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992.
24. **ARJ** 1933, hal:18.
25. **ARJ** 1939, hal: 23.
26. **ARMAS** 1939, hal:34.
27. **ARMAS** 1940, hal:35.
28. **ARMAS** 1933, hal:8.
29. **ARMAS** 1940, hal:7.
30. **ARMAS** 1940, hal:7.
31. **ARMAS** 1933, hal:5.
32. **ARMAS** 1940, hal:8.
33. **ARMAS** 1933, hal:5.
34. **ARMAS** 1940, hal:8.
35. **ARJ** 1935, hal:14.
36. **ARJ** 1935, hal:15.
37. **ARJ** 1936, hal:17.
38. **ARJ** 1937, hal:16.
39. **ARMAS** 1940, hal:9.
40. **ARJPA** 1939-1940, hal:29.
41. **ARJ** 1934, hal:15.
42. **ARMAS** 1933, hal:14.

43. **ARMAS** 1940, hal:18.
44. **ARJ** 1935, hal:14.
45. **ARADJ** 1937, hal:14.
46. **ARJ** 1934, hal:13.
47. **ARJ** 1939, hal:9.
48. **ARMAS** 1933, hal:27.
49. **ARMAS** 1940, hal:33-34.
50. **Ibid.**
51. **ARADJ** 1934, hal:18.
52. **ARJ** 1934, hal:13.
53. **ARJ** 1937, hal:18 dan **ARADJ** 1938, hal: 22-26.
54. **Ibid.**
55. **ARJ** 1939, hal:14.
56. **ARADJ** 1934, hal:34.
57. **ARJ** 1937, hal:16 , **ARADJ** 1937, hal:22 dan **ARADJ** 1938, hal:27.
58. **ARADJ** 1938, hal:27.
59. **ARADJ** 1934, hal:35, **ARJ** 1935, hal:17, **ARJ** 1937, hal:17 dan **ARADJ** 1937, hal:23.
60. **ARADJ** 1938, hal:30.
61. **ARJPA** 1933-1934, hal:24.
62. **ARJ** 1935, hal:29.
63. **ARJ** 1937, hal:39.
64. **ARJ** 1936, hal:42 dan **ARJ** 1938, hal:38.

65. ARJPA 1934, hal: 23.
66. ARJ 1933, hal:44.
67. ARJ 1939, hal: 40.
68. ARJ 1933, hal:48.
69. ARJ 1939, hal:41.
70. ARJ 1933, Appendix B, hal:56.
71. ARJ 1939, Appendix A, hal:50.
72. ARJ 1933, hal: 46.
73. ARJ 1939, hal:43.
74. ARJ 1933, hal:46.
75. ARJ 1939, hal:43.
76. ARJ 1933, hal:64.
77. ARJ 1939, hal:43.
78. ARJ 1933, hal:64.
79. ARJ 1939, hal:43.
80. ARJ 1933,hal:64.
81. ARJ 1939, hal:43.
82. ARJ 1934, hal: 44.
83. ARJ 1935, hal:51.
84. ARJ 1936, hal:63.
85. **Ibid.**
86. FCJ 116/1936: Memorandum of Discussion, J.J. Warren, Commissioner of Custom & Excise, D.Sturrock, Registrar of Imports & Exports, H.North Hunt, Registrar-General of Statistics, S.S. & FMS, 26 Sept. 1935.

87. GAJ 814/1935: Ag. CTCJ kpd. GAJ, 26 Nov. 1935, Lampiran A.
88. Ibid, Ag. CTCJ kpd. GAJ, 25 Nov. 1935, Lampiran 2A.
89. FCJ 116/1939: Memorandum, G.J. Gilmour, Deputy Commissioner, Preventive Branch, Singapore kpd. Commissioner, Customs & Excise, SS & FMS, 18 Mac 1936.
90. GAJ 604/1935: Ag. CTCJ kpd. GAJ, 11 Sept. 1935.
91. GAJ 319/1936: CTCJ kpd. GAJ, 26 Mac 1936, Lampiran 1.
92. ARJ 1933, hal:64.
93. ARJ 1939, hal:43.
94. ARJ 1933, hal:64.
95. ARJ 1939, hal:43.
96. ARJ 1936, hal:64.
97. CO 717/118: R. Moor, Acting Legal Adviser, Johor kpd. Legal Advisers Chambers, Johor Bahru, hal:16.
98. ARJ 1937, hal:62.
99. FCJ 2055/1935: W.E. Pepys, GAJ kpd. Deputy Controller of Rubber, Johore Bahru, 9 Dis. 1935, Lampiran 4.
100. ARJ 1933, Appendix C, hal:56.
101. ARJ 1939, Appendix B, hal:50.
102. ARJ 1933, Appendix C, hal:56.
103. ARJ 1939, Appendix B, hal:50.
104. Report of the Committee Appointed by Government to consider Proposals for A Campaign Against Indebtedness Amongst Government Servants in Johore, Mohd. Salleh Bin Ali, C.A. Vlieland, Abu Bakar, L.A. Allen, 21 Sept. 1937, hal:1-4, (dalam FCJ 211/1937).
105. Siri Pathamanathan, "Telecommunication in Pre War Johor", 1990, hal:4.

106. Lihat Appeal to H.H. The Sultan of Johor Against the Findings of the Committee Appointed by Him to Enquire into and Report on matters affecting the organisation and administration of Public Department of Johore and to make recommendation for its more Economical and Efficient Working, 1939, State Chief Engineer, Johor.

107. **Ibid.**

108. Sila lihat **ARJ 1937**, hal: 50.

109. Sila lihat **ARJ 1937**, hal: 50, **ARJ 1938**, hal: 52 dan **ARJ 1939**, hal: 34.

110. Sila lihat **ARJ 1939**, hal: 34.

111. Sila lihat **ARJ 1936-1938** di bawah tajuk *Water Supply*.

112. **ARJ 1934**, hal:28.

113. **ARJ 1934**, hal:18.

114. **ARJ 1936**, hal: 43-47.

115. **ARJ 1936**, hal: 49-51.

116. **Straits Times**, 11 Mac 1940, hal: 2, **Singapore Free Press**, 11 Mac 1940.

117. C0717/132: Johore Estimate, Thomas, SHC for The Malay States kpd. W.G.A. Ormsby-Gore, London, Colonial Office, hal: 14

118. **ARJ 1933**, Appendix A, hal:55, **ARJ 1936**, Appendix A, hal:75 dan **ARJ 1939**, Appendix A, hal:50.